



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

PEMBERITAHUAN

Ruj: MPK.PS 08 / 351 JLD.2 (25)

HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN JUALAN MAKANAN & MINUMAN SEPANJANG BULAN RAMADAN 1444H / 2023M

KEPADA SEMUA PEMILIK / PENGUSAHA PERNIAGAAN JUALAN MAKANAN & MINUMAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

Had waktu operasi bagi aktiviti perniagaan jualan makanan dan minuman di sepanjang bulan Ramadan 1444H / 2023M adalah ditetapkan seperti berikut :

BIL.	JENIS PREMIS MAKANAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Perniagaan jualan makanan dan minuman seperti restoran, kedai makan, kiosk, gerai, penjaja dan lain-lain : a. Pemilik / pengusaha beragama Islam b. Pemilik / pengusaha bukan beragama Islam	2.00 petang hingga 6.00 pagi Waktu operasi biasa (tertakluk kepada larangan menjual makanan / minuman kepada orang yang beragama Islam pada waktu siang sebelum jam 2.00 petang)
2.	Premis perniagaan francais makanan segera (fast food) dan premis makanan jenama antarabangsa	Waktu operasi biasa (tertakluk kepada larangan menjual makanan / minuman kepada orang yang beragama Islam pada waktu siang sebelum jam 2.00 petang)

Semua aktiviti perniagaan makanan dan minuman sepanjang bulan Ramadan di Negeri Perlis adalah tertakluk kepada Seksyen 25 Enakmen Jenayah Dalam

Syarak Negeri Perlis yang melarang penjualan makanan dan minuman kepada orang yang beragama Islam pada waktu siang sebelum jam 2.00 petang. Sesiapa yang disabitkan kesalahan kerana melanggar larangan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3.000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Arahan :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**
Tarikh : 21 Mac 2023

*Majlis Perbandaran Kangar mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa
dan Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak kepada seluruh rakyat
Negeri Perlis yang beragama Islam*

Marhaban Ya Ramadan